

January 2015



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

th  
ISSUE

# 69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1576



9 772232 157005

# HARI SUKANEKA NUSAS


©leh: Lilly Metom dan Dayang Rohana binti Abg Amar

69<sup>th</sup>  
Issue

39

Pada 30-31 Ogos 2014 yang lalu, *Nursing Student Association of Sarawak (NUSAS)* telah menganjurkan Hari Sukaneka NUSAS bertempat di Siar Beach Resort, Lundu. Seramai 44 orang pelajar dari Bahagian 3 dan Bahagian 5, Diploma in Nursing, UiTM Sarawak telah menyertai program ini. Aktiviti ini diadakan untuk menjadi medium bagi memupuk nilai-nilai murni dalam minda pelajar. Pada masa yang sama, aktiviti ini secara langsung mewujudkan sikap kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan rasa hormat-menghormati di antara para pelajar dan pensyarah. Dua orang pensyarah selaku pegawai pengiring, iaitu Puan Dorothy Kulai, Penasihat NUSAS dan Koordinator Klinikal, dan Puan Lau Li Li, Koordinator Makmal dan Peperiksaan, turut serta menjayakan program ini.

Kesimpulannya, aktiviti ini telah berjalan lancar kerana mampu menanam sikap kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan persaingan positif antara para peserta. Aktiviti ini juga telah memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah dan menonjolkan bakat yang ada dalam diri mereka. Secara langsung dan tidak langsung, aktiviti ini berjaya memupuk sikap gigih para pelajar tanpa mudah berputus asa untuk menghadapi segala liku-liku kehidupan melalui permainan yang memerlukan kesabaran dan idea yang bernas untuk mencapai kemenangan.



Aktiviti sukaneka

## Activity Team Building NUSAS

©leh: Lilly Metom dan Siti A'ishah binti Muhidin @ Mohiddin

Pada 30-31 Ogos 2014 yang lalu, *Nursing Student Association of Sarawak (NUSAS)* telah menganjurkan aktiviti *Team Building* bertempat di Siar Beach, Lundu. Aktiviti ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk memupuk nilai-nilai murni dalam sanubari para pelajar. Ia juga menjadi platform untuk melahirkan sebuah keluarga NUSAS yang harmoni, menghormati, bekerjasama dan bersatu-padu. Seramai 44 orang pelajar dari Bahagian 3 dan Bahagian 5 telah menyertai program ini dengan diiringi oleh 2 orang pensyarah dari Fakulti Sains Kesihatan iaitu Puan Dorothy Kulai dan Puan Lau Li Li.

Aktiviti ini telah berjalan dengan lancar kerana mampu melahirkan pelajar yang bekerjasama dalam satu pasukan. Di samping itu, program ini juga telah berjaya mewujudkan suasana yang harmoni dan mesra di kalangan pelajar dari semua bahagian serta pensyarah-pensyarah kursus ini melalui aktiviti sukaneka dan aktiviti unggun api.



Para peserta program Team Building

Aktiviti unggun api

## MAJLIS RANDAU BERSAMA NUSAS

©leh: Lilly Metom dan Dayang Rohana binti Abg. Amar

Pada 28 Jun 2014, satu Majlis Randau bersama para pelajar dari *Nursing Student Association of Sarawak (NUSAS)* telah diadakan di Dewan Kuliah 3, UiTM Samarahan yang dianjurkan oleh NUSAS sendiri. Program ini dijalankan sebagai salah satu usaha untuk memupuk nilai-nilai murni dalam minda para pelajar bagi melahirkan sebuah keluarga NUSAS yang penuh rasa harmoni-menghormati, bekerjasama dan bersatu-padu dengan satu sama lain.

Seramai 166 orang pelajar dari Bahagian 1, Bahagian 3 dan Bahagian 5 dari Diploma in Nursing dan 3 orang pensyarah iaitu Puan Liew Siew Kee (Ketua Program Kejururawatan), Puan Dorothy Kulai (Penasihat NUSAS dan Koordinator Klinikal) dan Puan Lau Li Li (Koordinator Makmal dan Peperiksaan) telah menjayakan aktiviti ini. Majlis randau ini telah berjalan dengan lancar dan sangat meriah kerana semua peserta terlibat aktif dalam menjayakan aktiviti ini walaupun ada sedikit masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan.

Kesimpulannya, aktiviti ini telah berjalan dengan lancar kerana mampu melahirkan pelajar baru yang berani dan berkeyakinan ketika menampilkan diri di khalayak ramai semasa sesi memperkenalkan diri dan semasa melakukan persembahan secara berkumpulan mahupun individu. Di samping itu, program ini telah mewujudkan suasana yang harmoni dan menjalinkan hubungan yang erat dan mesra di kalangan pelajar serta pensyarah-pensyarah kursus ini melalui sesi *mentor-mentee* yang telah diadakan.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## **Corporate Communications & International Relations**

**Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)**